

DIPLOMASI PUBLIK MALAYSIA TERHADAP ROHINGYA

MALAYSIA'S PUBLIC DIPLOMACY TOWARDS ROHINGYA

Jessica Ong Hai Liaw¹, Abdul Hamid Moiden², Ariffin Ismail³

FAKULTI PENGAJIAN DAN PENGURUSAN PERTAHANAN
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
jessica@upnm.edu.my

Abstrak – Penghapusan etnik atau genosid sudah bermula merupakan satu titik hitam dalam ketamadun manusia. Kata ini mula-mula digunakan pada tahun 1944 oleh Raphael Lemkin dalam bukunya “Axis Rule in Occupied Europe” yang diterbitkan di Amerika Syarikat. Kata ini diambil dari bahasa Yunani ‘γένος genos’ yang bermaksud ‘ras’, ‘bangsa’ atau ‘rakyat’ dan bahasa Latin ‘caedere’ yang bererti ‘pembunuhan’. Penghapusan etnik lazimnya dilakukan atas nama agama, bangsa dan negara. Kini, walaupun manusia telah mengenal ketinggian peradaban dan mengecap kemajuan dalam bidang sains dan teknologi penghapusan etnik masih berlaku di serata dunia dan alasannya masih lagi agama, bangsa dan negara. Penghapusan etnik minoriti oleh kaum majoriti dalam sesebuah masyarakat atau negara merupakan satu bentuk penganiayaan dan pencabulan hak asasi manusia. Semasa Perang Dunia Kedua (1939-1945) tentera Nazi Jerman di bawah pimpinan Adolf Hitler telah melaksanakan penghapusan etnik berbangsa Yahudi. Selain itu, penghapusan etnik juga berlaku di benua Afrika iaitu Kaum Tutsi dan Kaum Hutu dibunuh secara beramai-ramai di Rwanda. Dianggarkan sebanyak 500,000 orang dibunuh atas nama dasar penghapusan etnik di Rwanda. Pada tahun 1990-an pula berlaku penghapusan etnik Bosnia-Herzegovina oleh Kaum Serbia di bawah pimpinan General Ratko Mladic atas nama agama. Benua Asia khususnya Asia Tenggara turut tidak terkecuali dalam hal ini. Di Myanmar, kerajaan Myanmar di bawah pimpinan Aung San Suu Kyi, penerima hadiah Nobel Keamanan 1991 menghalalkan penghapusan etnik yang dilakukan pihak tentera ke atas penduduk Islam Rohingya. Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN tidak dapat berdiam diri melihat tragedi kemanusiaan yang terjadi di Rakhine. Penghapusan etnik di Myanmar telah mengundang reaksi keras daripada rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Malaysia demi memartabatkan semangat ASEAN memainkan peranannya melalui diplomasi publik yang sistematik untuk membantu masyarakat Rohingya tanpa memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Myanmar. Kajian yang berbentuk kajian konseptual menggunakan kaedah rujukan Makalah ini mengupas sejarah masyarakat Muslim Rohingya, faktor-faktor penghapusan etnik dan diplomasi publik kerajaan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan Malaysia berjaya memainkan peranan publik diplomasinya secara efektif untuk membantu etnik Rohingya tanpa mencemar semangat setia kawan ASEAN dengan negara Myanmar.

Kata Kunci: Penhapusan Etnik, Rohingya, diplomasi Publik, ASEAN, Malaysia

Abstract – *The elimination of ethnicity or genocide has begun to be a black point in human civilization. The word was first used in 1944 by Raphael Lemkin in his book "Axis Rule in Occupied Europe" published in the United States. The word is derived from the Greek 'γένος genos' which means 'race', 'race' or 'people' and Latin 'caedere' which means 'murder'. Ethnic elimination is usually done in the name of religion, nation and state. Today, even though humans have recognized the*

¹ Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

² Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

³ Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

heights of civilization and have tasted progress in the fields of science and ethnic elimination technology still worldwide, the reason is still religion, race and nation. The elimination of ethnic minorities by majority in a society or nation is a form of human rights abuse and abuse. During the Second World War (1939-1945) German Nazi troops under Adolf Hitler led the extermination of ethnic Jews. In addition, ethnic cleansing also occurred in the African continent where Tutsi and Hutu tribes were massacred in Rwanda. An estimated 500,000 people were killed in the name of ethnic cleansing in Rwanda. In the 1990s there was an extermination of Bosnian-Herzegovina ethnic groups by the Serbian people under the leadership of General Ratko Mladic on behalf of religion. The Asian continent, especially Southeast Asia, is no exception. In Myanmar, the Myanmar government under the leadership of Aung San Suu Kyi, recipient of the 1991 Nobel Peace Prize authorizing the ethnic cleansing of the military against Rohingya Muslims. Malaysia as an ASEAN country cannot keep quiet about the humanitarian tragedy that is taking place in Rakhine. The extermination of ethnic groups in Myanmar has prompted strong reactions from Malaysians who are predominantly Muslim. Malaysia to uphold the ASEAN spirit plays its role through systematic public diplomacy to assist the Rohingya community without severing diplomatic ties with the Myanmar government. This conceptual study using reference method This paper explores the history of the Rohingya Muslim community, factors of ethnic elimination and public diplomacy of the Malaysian government. The findings show that Malaysia has successfully played a public role in its diplomacy in helping the Rohingya ethnic group without harming the ASEAN allies with Myanmar.

Keywords: Ethnic Cleansing, Rohingya, Public Diplomacy, ASEAN, Malaysia

Pengenalan

Asia Tenggara terkenal dengan penduduknya yang menganut pelbagai agama dan mengamalkan budaya serta adat resam yang beraneka bentuk. Keplbagaian ini mencerminkan keunikan Asia Tenggara. Keunikan ini juga menjadikan Asia Tenggara di antara negara yang menjadi destinasi pelancongan popular di mata dunia. Namun begitu, variasi multi etnik ini ada kalanya mengundang pergeseran idea dan ideologi. Pergeseran yang ada awalnya bermula dengan perang mulut antara dua individu seterusnya merebak sehingga melibatkan dua kelompok masyarakat, akhirnya mencetuskan konflik etnik. Konflik etnik ini lama-

kelamaan berubah wajah kepada perang saudara dan penghapusan etnik.

Penghapusan etnik bukanlah perkara baru dalam sejarah peradaban manusia bertamadun. Dunia pernah dikejutkan dengan beberapa tragedi penghapusan etnik yang melangkaui sifat kemanusiaan. Episod luka lara tragedi ini penuh dengan tangisan, air mata, darah dan kesengsaraan. Sejarah Etnik Muslim Rohingya

Perkataan Rohingya berasal daripada kata 'Rohai' atau 'Roshangee' yang membawa pengertian penduduk beragama Islam Rohang atau Roshang. Penduduk ini tinggal di wilayah Arakan yang kini dikenali sebagai Rakhnie.

Beberapa sejarawan mengatakan bahawa kata Rohingya berasal dari bahasa Arab “Rahma” yang bermaksud pengampunan. Ini berdasarkan pada cerita para pedagang Arab yang dijatuhkan hukuman mati oleh raja Arakan. Pada ketika hendak dihukum mati, mereka meneriakkan kata ‘Rahma’. Oleh kerana penduduk Arakan sukar menyebut kata “Rahma’, mereka menyebutnya ‘Raham’. Kata itu kemudian berubah menjadi ‘Rohang’ dan akhirnya berubah menjadi ‘Rohingya’.

Catatan sejarah membuktikan orang Rohingya telah menetap di Arakan seawal tahun 1430 di bawah pemerintahan Raja Arakan ketika itu iaitu Naramekhla yang mempunyai kira-kira 30,000 orang tentera Muslim (Moshe, 2002). Menurut Yegar (2002), orang Islam pertama tiba di Myanmar ialah pada abad ke-8M adalah peniaga dan pedagang Arab. Etnik Rohingya beragama Islam disebabkan oleh berlakunya aktiviti migrasi seperti perdagangan sejak abad ke-9 oleh pedagang Arab yang membawa agama Islam ke Arakan. Mereka telah menyebarkan agama Islam dan berkemungkinan ada dalam kalangan mereka yang terus mendiami Arakan setelah berkahwin dengan wanita

tempatan. Menurut oleh Abu Talib (2008), ramai orang Islam masuk ke Arakan pada tahun 1430 kerana tentera upahan Islam terlibat dalam perebutan takhta di Mrauk-U (Kyaupkyu), ibu negeri Arakan pada ketika itu.

Kebanyakan kaum Rohingya beragama Islam dan mereka menetap di utara Negeri Rakhine yang dahulunya dikenali sebagai Arakan. Nama ini telah ditukarkan kepada Rakhine oleh kerajaan junta. Pada tahun 1989, nama Burma pula ditukarkan kepada Myanmar. Negeri ini juga bersempadan dengan negara Bangladesh. Perkembangan politik di Rakhine dipengaruhi oleh perkembangan politik di India, Pakistan dan Bangladesh. Menurut Rila (2011), etnik Rohingnya kelihatan seakan-akan seperti orang Asia Selatan kerana memiliki bentuk fizikal, budaya dan corak hidup yang sama dengan penduduk Asia Selatan. Bahasa orang Rohingya adalah sama dengan bahasa yang digunakan di wilayah Chittagong, Bangladesh (William & Letich, 2013). Bahasa ini adalah campuran bahasa Urdu, Hindi, Arab dan bahasa Bamar yang dituturkan oleh puak majoriti di Myanmar. Semasa pemerintahan empayar Mughal, beberapa kelompok masyarakat yang berketurunan Parsi, Arab dan Pasthan

berhijrah dari negara asal mereka ke Rohingya.

Berdasarkan catatan sejarah, pada mulanya Rakhine merupakan sebuah negara berdaulat yang diperintah berasingan daripada wilayah dan negeri lain di Myanmar. Semasa zaman kegemilangan Dinasti Mughal di India, Rakhnie menguasai wilayah Chittagong dan kawasan sekitarnya dan menjadikan sebahagian daripada negara daripada negara Rakhine. Namun, pergolakan politik menyebabkan Rakhine telah jatuh ke tangan Raja Bodawpaya, Raja Myanmar ketika itu lalu menjadikan negara ini sebahagian daripada wilayah di Myanmar pada tahun 1784. Di Arakan terdapat dua golongan yang menjadi etnik majoriti iaitu etnik Muslim Rohingya dan etnik Buddha Arakan serta terdapat kelompok minoriti lain yang mengamalkan agama masing-masing seperti Hindu, Kristian dan Animisme. Setiap kelompok etnik pada awalnya bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing dan mereka hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Semasa penjajahan British (1824-1948), British telah membawa masuk ramai buruh asing dari China dan India ke Burma. Masyarakat dari wilayah Chittagong, Bangladesh yang majoritinya

beragama Islam turut dibawa masuk ke Rakhine. Kesannya, jumlah populasi penduduk Islam yang ada ketika itu dianggarkan tiga juta orang. Ini menjadikan peratusan penduduk Islam di Rakhine kedua terbesar selepas populasi penduduk yang beragama Buddha di samping kaum minoriti seperti Mro, Daignet, Kamein, Thet dan Chin. Bilangan penduduk Rohingya di bandar yang tinggal di bandar-bandar seperti Maungdaw, Daignet dan Rethadaung di bahagian Utara Rakhine adalah sebanyak 800,000 orang.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perkara asal yang paling penting dalam sesebuah kajian. Hasil kajian bergantung pada metodologi kajian yang digunakan dalam sesebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, sesuatu kajian itu akan dipersoalkan dan kesimpulan kajian juga pastinya mencurigakan.

Kajian ini berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif adalah kajian anjal kerana tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim, 2006). Menurut Robson (2011), kajian berbentuk kualitatif berkembang,

membangun dan 'terbuka' seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif berpusat pada persoalan atau pernyataan. Hipotesis kajian tidak diutamakan dalam kajian kualitatif. Metod kualitatif digunakan untuk kajian dalam bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi dan sosiologi kualitatif.

Kajian perpustakaan dilakukan untuk memperolehi data-data kajian ini. Buku, jurnal pelbagai artikel berkaitan dengan kajian ini telah dianalisis secara kritikal dan terperinci. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Negara dikunjungi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian.

Diskriminasi Etnik Rohingya

Semasa pemerintahan rejim tentera yang merampas kuasa pemerintahan sivil U Nu pada tahun 1962 di Myanmar, bermulalah era penindasan ke atas etnik Rohingya. Di bawah pemerintahan Jeneral Ne Win, orang Rohingya dilabelkan sebagai PATI kerana dikatakan golongan ini adalah kaum pendatang telah dibawa masuk oleh penjajah British suatu ketika dahulu dan bukannya penduduk asal Rakhnie. Namun, rekod sejarah jelas menunjukkan bahawa orang

Rohingya telah menetap di Arakan seawal tahun 1430. Raja Arakan ketika itu ialah Naramekhla yang mempunyai kira-kira 30,000 orang tentera Muslim.

Kemuncaknya pada tahun 1974 perlembagaan baru telah dibentuk oleh kerajaan junta Myanmar dan menafikan secara jelas hak orang Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah. Mereka dilabelkan sebagai PATI. Undang-undang yang digubal oleh rejim Myanmar telah disusuli dengan satu operasi besar-besaran yang dinamakan Naga Min atau Raja Naga pada tahun 1977. Operasi Naga Min adalah gerakan besar-besaran yang dilakukan oleh junta Myanmar untuk mendaftarkan sekali kewarganegaraan masyarakat di Myanmar. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menahan dan mendakwa mana-mana golongan yang dianggap sebagai PATI. Gerakan ini telah dikatakan mencabul hak asasi manusia kerana dilaporkan banyak kejadian seperti diskriminasi agama, masjid dimusnahkan, seksaan, rogol dan pembunuhan ke atas masyarakat Myanmar ketika itu. Operasi yang dianggap kejam ini telah memaksa orang Rohingya menjadi pelarian dan mereka secara beramai-ramai telah lari meninggalkan kampung halaman ke

tempat yang difikirkan selamat dan dekat. Dianggarkan kira-kira seramai 200,000 orang Rohingya telah lari beramai-ramai ke Bangladesh pada tahun 1978. Setelah berada di sana selama 16 bulan, kebanyakan orang Rohingya dipaksa pulang semula ke tempat asal mereka di Myanmar kesan daripada perjanjian dua hala oleh kerajaan Bangladesh dengan junta Myanmar. Dalam tempoh tersebut, dianggarkan 10,000 orang mati yang majoritinya adalah wanita dan kanak-kanak disebabkan kekurangan zat makanan dan penyakit berjangkit.

Orang Rohingya menjadi pelarian kerana faktor perlembagaan yang sering dipinda dan faktor pemerintahan yang selalu bertukar ganti. Akta Warga Asing 1864 dan Undang-undang Kewarganegaraan Myanmar 1982, tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang jelas bagi orang Rohingya yang berada dalam situasi 'Keadaan Tidak Berkerakyatan' (KTB). Ini menyebabkan Gelombang kedua pelarian Rohingya ke Bangladesh seramai 250,000 orang telah berlaku sekitar pertengahan tahun 1991 hingga awal 1992. Pencabulan hak asasi manusia ke atas mereka di samping undang-undang Myanmar yang menjadikan mereka pendatang haram di

bumi sendiri yang menyebabkan mereka dalam situasi KTB. Undang-undang Kewarganegaraan Burma 1982 yang digubal dikatakan telah menggugat asas-asas dalam prinsip undang-undang antarabangsa yang menjadikan sesebuah bangsa berada dalam situasi KTB. Undang-undang yang bersifat diskriminasi ini juga memaksa orang Rohingya mengemukakan bukti yang mereka telah menduduki Rakhine sebelum tahun 1823 lagi. Rejim junta yang menggunakan gelaran The State Peace and Development Council (SPDC) telah menolak bangsa Rohingya sebagai salah satu etnik dalam masyarakat Myanmar berlandaskan kenyataan seperti berikut:

“In actual fact, although there are (135) national races living in Myanmar today, the so-called Rohingya people is not one of them. Historically, there has never been a ‘Rohingya’ race in Myanmar. The very name Rohingya is a creation of a group of insurgents in the Rakhine State. Since the First Anglo-Myanmar War in 1824, people of Muslim Faith form the adjacent country illegally entered Myanmar Ngain-Ngan, particularly Rakhine State. Being illegal immigrants they do not hold immigration

papers like other national of the country”.

SPDC juga telah memberi respon kepada soalan yang diajukan oleh Jawatankuasa Hak ke atas Kanak-kanak Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada April 2004 berkaitan isu kewarganegaraan orang Rohingya:

“The Governments renders full of equal treatment to these people, as with other races, in matters relating birth and death registration, education, health and social affairs. In the official records, they listed as Bengali racial group of the Bengali race and are recognized as permanent residents within Myanmar”.

Di Myanmar, seramai 135 etnik diberi hak kerakyatan. Namun demikian, etnik Rohingya ditidakkan hak mereka untuk mendapatkan kerakyatan. Pelarian Rohingya tidak mahu pulang ke negara asal mereka kerana tidak sanggup menjadi pelarian di bumi sendiri. Kanak-kanak turut menjadi mangsa penindasan junta tentera. Menurut Froyoplus (2012), melalui “Burma Citizenship Law of 1982” hak kanak-kanak etnik Rohingya untuk mendapat pendidikan telah dinafikan. Kanak-kanak ini tidak dapat ke sekolah. Kanak-kanak ini juga ditangkap, diseksa dan dijadikan buruh paksa oleh tentera Myanmar.

Kerajaan Rohingya melakukan diskriminasi politik terhadap etnik Rohingya, Kokakng dan Panthay seperti perlaksanaan kerahan tenaga tanpa gaji dalam projek-projek kerajaan, ancaman keselamatan, sekatan kebebasan beragama, diskriminasi ekonomi dan pendidikan serta pencabulan hak asasi manusia.

Pada tahun 2012, tercetus rusuhan kaum apabila seorang gadis iaitu Ma Thida Htew berusia 27 tahun dari etnik Buddha suku Rakhnie telah dirogol dan dibunuh oleh beberapa orang dipercayai pemuda Rohingya Muslim pada 28 Mei 2012. Insiden ini telah menyemarakkan kebencian dan permusuhan antara etnik Rohingya dan etnik Rakhine. Kes ini dikaitkan dengan beberapa orang pemuda yang berwajah Benggali. Kebanyakan penduduk Islam Rohingya yang beragama Islam adalah berwajah Benggali. Kes ini juga dikaitkan sebagai tindakan membalas dendam etnik Muslim ke atas etnik Rakhnie ekoran daripada pembunuhan sepuluh orang pemuda Muslim Rohingya di Taungup (King, 2012).

Keganasan etnik yang berlaku di Arakan ialah keganasan etnik Rakhine beragama Buddha terhadap etnik Muslim Rohingya. Konflik keganasan

yang melanda etnik Rohingya berpunca daripada peristiwa pemerkosaan dan pembunuhan.

Di samping itu, pada tahun 2014 kerajaan Myanmar melarang penggunaan istilah Rohingya dan etnik Rohingya didaftarkan sebagai Benggali. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan etnik Rohingya kerana mereka beranggapan perkataan 'Benggali' menunjukkan mereka diklasifikasikan sebagai kaum pendatang dan identiti agama mereka seolah-olah telah dihapuskan. Seterusnya, kerajaan Myanmar melucutkan kad pengenalan penduduk etnik. Ini menyebabkan mereka hilang kerakyatan di negara sendiri. Kuasa politik mereka lenyap kerana kehilangan kerakyatan menyebabkan mereka hilang kuasa mengundi dalam pilihan raya.

Diplomasi Publik

Menurut Kamus Dewan diplomasi bermaksud menguruskan perhubungan antara negara dengan negara atau mengatakan sesuatu dengan berhati-hati dan tidak secara terang-terangan. Diplomasi menurut kamus hubungan antarabangsa adalah:

“Public diplomacy refers to government-sponsored programs

intended to inform or influence public opinion in other countries; its chief instruments are publications, motion pictures, cultural exchanges, radio and television” (Dictionary of International Relations Term, 1987).

Tujuan utama diplomasi publik adalah untuk mempengaruhi publik awam dan antarabangsa dengan menggunakan kecanggihan teknologi dan informasi. Publik diplomasi digunakan oleh kebanyakan kerajaan untuk mempengaruhi secara positif persepsi individu, organisasi di luar negara terhadap negaranya. Diplomasi publik kini dilihat sebagai instrumen 'soft power' iaitu kuasa insaniah untuk membentuk imej positif terhadap negara (Jan Mellisen, 2006). Diplomasi publik juga lazimnya digunakan untuk mengukur serta menilai identiti diri atau lebih dikenali dengan pembentukan jati diri sesebuah negara.

Menurut Anholt, Simon (2005), diplomasi digunakan untuk mengukur, membentuk dan membangunkan reputasi sesebuah negara. Mark Leonard (2002), dalam bukunya berjudul 'Public Diplomacy' mentafsirkan diplomasi sebagai satu kaedah untuk membentuk hubungan dengan cara memahami sesuatu permasalahan, budaya,

masyarakat, menerima pandangan yang bertentangan dan pemerintah berusaha untuk mencari persamaan pandangan.

Pada tahun 1965, Dean Edmund Gullion dari Fletcher School of Law and Diplomacy, Tufts University ialah pelopor istilah diplomasi dengan mentakrifkan diplomasi sebagai:

“Diplomasi publik berhadapan dengan pengaruh, sikap publik atas pembentukan dan pelaksanaan polisi luar negeri yang merangkumi hubungan antarabangsa berbentuk diplomasi antarabangsa, perkembangan pendapat awam di negara lain dan interaksi sesebuah negara dalam isu di sebuah negara lain”.

Diplomasi Publik Kerajaan Malaysia

Semangat ASEAN Malaysia

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dianggotai oleh Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam, Timor Leste (negara pemerhati) dan Papua New Guinea (negara pemerhati). Di dalam Piagam ASEAN, terdapat dua perkara yang digariskan iaitu mengekalkan dan meningkatkan keamanan dan keselamatan ASEAN sebagai rantau yang bebas senjata

nuclear dan menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan integrasi anggota ASEAN dengan tidak campur tangan isu dalaman dan melakukan pencerobohan ke atas negara ASEAN. Matlamat penubuhan ASEAN pula adalah bagi memelihara dan mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara dengan mengelak campur tangan daripada mana-mana pihak luar seperti Rusia, Amerika Syarikat dan China dalam hal-hal di rantau ini. ASEAN merupakan saluran untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku di Asia Tenggara secara aman tanpa menggunakan kekerasan. Melalui ASEAN, penglibatan dalam pertikaian antara kuasa besar dapat dielakkan dan menjadikan ASEAN sebagai Zon Bebas Senjata Nuklear (SEANWFZ) serta memberi peluang kepada negara anggota untuk menentukan nasib sendiri.

Negara-negara Asia Tenggara yang menganggotai ASEAN selama ini mengamalkan prinsip berkecuali seperti yang terkandung dalam Piagam ASEAN 1967 dengan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara-negara lain. Prinsip berkecuali ini menghalang negara ASEAN mengemukakan kritikan atau teguran secara terbuka dalam isu Rohingya. Sebaliknya ASEAN hanya

mengetengahkan pandangan secara diplomasi dalam bentuk cadangan dan idea. Negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand tidak dapat berdiam diri dalam isu Rohingya kerana masalah pelarian menghantui beberapa buah negara lain. Selain itu, beberapa buah negara ASEAN seperti Malaysia dan Indonesia tampil ke hadapan menyalurkan bantuan logistik dan perubatan kepada pelarian Rohingya.

Malaysia berpendirian ASEAN perlu memberikan kata putus kepada kerajaan Myanmar sama ada menghentikan penindasan ke atas Muslim Rohingya atau bersedia menyambut pulang rakyat mereka yang menjadi pelarian di luar negara. Di samping itu, Malaysia melalui platform ASEAN berkali-kali menegaskan forum, diskusi dan mesyuarat secara telus dan ikhlas adalah kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah Rohingya. Malaysia kini berada dalam keadaan dilema apabila kerajaan Myanmar berkeras tidak akan menghadiri mesyuarat ASEAN yang akan diadakan di Thailand sekiranya perkataan Rohingya digunakan dalam mesyuarat. Kerajaan Myanmar meletakkan syarat isu Rohingya boleh dibincangkan dalam mesyuarat tetapi perkataan Rohingya

tidak boleh digunakan sama sekali. Kekerasan Myanmar ini menimbulkan tanda tanya tentang keikhlasan Myanmar dalam ASEAN serta kesungguhannya membincangkan isu Rohingya.

Malaysia sebagai anggota ASEAN yang sentiasa memperjuangkan nilai kemanusiaan tanpa sempadan agama, bangsa dan budaya demi kesejahteraan sejagat telah menasihati serta menggesa kerajaan Myanmar agar menyelesaikan konflik etnik yang berlaku berpandukan prinsip perlindungan hak asasi manusia yang termaktub dalam Piagam ASEAN dan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN serta resolusi yang dicapai melalui Mesyuarat Luar Biasa Majlis Menteri-menteri Luar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Malaysia juga melalui platform ASEAN telah memaklumkan kepada kerajaan pimpinan Aung San Suu Kyi bahawa pelarian Myanmar di Malaysia gembira untuk pulang ke tanah air mereka di Rakhine dengan syarat hak asasi mereka seperti pendidikan, perubatan, harta, keselamatan dan kewarganegaraan dipulangkan. Mereka ingin pulang kerana ingin hidup bebas di negara mereka. Mereka tidak mahu hidup sebagai pelarian selama-lamanya

dan hidup seperti hamba di mana-mana negara.

Cadangan Malaysia

Malaysia telah mengemukakan beberapa cadangan penting untuk menangani isu etnik Rohingya (Berita Harian Online, 17 November 2017) Malaysia mencadangkan ASEAN menubuhkan sebuah badan pakar bebas atau kumpulan tokoh terkemuka untuk menyiasat serta menentukan kesahihan situasi di Rakhine, Myanmar. Penubuhan badan ini penting untuk merancang penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani masalah etnik Rohingya di Myanmar. Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, telah menyuarakan cadangan Malaysia untuk pertimbangan kerajaan Myanmar semasa Permukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di Yangon. Malaysia juga turut mencadangkan supaya ASEAN menyelaraskan bantuan kemanusiaan ke negeri Rakhine seperti yang pernah dilakukan semasa tragedi taufan Nargis pada 2008. Kini, hanya Malaysia dan Indonesia yang banyak menghulurkan bantuan kepada pelarian Rohingya. Malaysia percaya bahawa perkara paling utama pada ketika ini adalah aspek kemanusiaan pelarian. Malaysia juga

menggesa akses kemanusiaan tanpa halangan ke kawasan yang terjejas. Pertubuhan kemanusiaan antarabangsa seperti Persekutuan Palang Merah dan Persatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (IFRC) juga perlu diberi akses penuh ke kawasan terjejas untuk usaha menilai keadaan di sana dan menyalurkan bantuan kemanusiaan yang diperlukan. Presiden Aung San Suu Kyi berjanji kepada ASEAN untuk menyelesaikan status kewarganegaraan dan status dan menyediakan bantuan kepada penduduk yang kehilangan tempat tinggal sejak 2012. Malaysia berharap Aung San Ssu Kyi mengotakan segala janjinya agar ketegangan dapat diredakan dan menggalakkan penyelesaian yang realistik serta berkekalan di Myanmar (Bernama, 19 Disember 2016).

Malaysia memberi perlindungan kepada kira-kira 56,000 etnik Rohingya lelaki, wanita dan kanak-kanak, yang kehilangan tempat tinggal selepas melarikan diri dari kawasan terjejas di negeri Rakhine. Kerajaan Malaysia terpaksa menanggung beban kewangan yang sangat besar dalam menyediakan perlindungan dan keperluan asas kepada pelarian. Malaysia bukanlah pihak yang diberi mandat dalam Konvensyen

Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1951 dan Protokol 1967 untuk melindungi pelarian. Namun, Malaysia memberi bantuan secara konsisten kepada etnik Rohingya atas prinsip kemanusiaan dan semangat ASEAN. Rakyat Malaysia sebulat suara mendesak kerajaan agar membantu pelarian Rohingya. Walaupun Myanmar mungkin tidak mengiktiraf Rohingya sebagai warganya, Malaysia berharap hak asasi etnik Rohingya sebagai manusia dapat dihargai. Semua penduduk di Rakhine berhak menerima hak mereka dalam bidang ekonomi, politik dan sosial (Utusan Malaysia Online, 13 September 2017).

Misi Kemanusiaan untuk Rohingya

Malaysia melalui Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah melancarkan kempen 'Misi Kemanusiaan untuk Rohingya'. Misi ini berobjektif membekalkan barang keperluan serta bantuan kepada pelarian Rohingya yang berlindung di sempadan Bangladesh-Myanmar (Utusan Malaysia Online, 8 September 2017).

Perdana Menteri menyeru rakyat untuk bersatu hati menjayakan misi berkenaan dengan memberikan bantuan secara kolektif dan berkesan melalui

saluran rasmi yang telah diumumkan. Selain itu menurut beliau lagi, misi ini juga diharapkan menjadi wadah kemanusiaan rakyat Malaysia dan menjulang semangat 'Negaraku Prihatin'. (Utusan Malaysia Online, 20 Januari 2017).

Misi ini diterajui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mendukung semangat 'Negaraku Prihatin' merupakan publik diplomasi kerajaan Malaysia dalam menyuarakan bantahan keras Malaysia ke atas penindasan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan Myanmar terhadap komuniti Rohingya. Misi mendapat sokongan sukarelawan iM4U yang kini berada di kem-kem pelarian di sempadan Bangladesh-Myanmar untuk meninjau serta menilai keadaan mangsa pelarian di kem-kem tersebut. Seterusnya, selepas mengenal pasti keperluan di kem pelarian melalui kerjasama strategik dengan Malaysia Airlines dan Malindo Air pasukan sukarelawan iM4U dan beberapa pertubuhan ini telah mengedarkan bantuan kepada mangsa pelarian (Utusan Malaysia Online, 23 Oktober 2017). Selain itu, perbincangan turut diadakan dengan kerajaan Bangladesh untuk menempatkan sebuah hospital tentera Malaysia untuk menghulurkan

bantuan perubatan kepada mangsa pelarian.

Misi Kemanusiaan untuk Rohingya

Misi kemanusiaan kedua Malaysia dilancarkan dengan tema 'Humanitarian Care Malaysia (MyCARE). MyCARE menghantar bantuan kecemasan seperti makanan, air bersih, penempatan sementara dan tandas. Menurut Pengerusi MyCARE, Prof Madya Dr Hafidzi Mohd Noor, misi kedua ini dilancarkan untuk menampung pertambahan mendadak jumlah pelarian di kem Cox's Bazar. Kebanyakan pelarian diancam penularan wabak penyakit seperti taun kerana kekurangan kemudahan bekalan air bersih di kem pelarian. Bilangan pelarian semakin hari semakin bertambah di kem pelarian. Pertambahan pelarian sebanyak 400,000 orang menyebabkan keperluan harian serta ubat-ubatan meningkat dua kali ganda. Kerajaan Malaysia melalui diplomasi publiknya sedang menjalin hubungan dengan rangkaian NGO dari Bangladesh dan Indonesia untuk koordinasi bantuan keperluan dan perubatan bagi memastikan kepentingan pelarian dilindungi (Utusan Malaysia Online, 27 September 2017).

Kesimpulan

Malaysia sebagai sebuah negara Asia Tenggara yang menjulang semangat ASEAN telah memainkan peranan penting melalui pendekatan diplomasi publik secara terancang dan sistematik untuk membantu pelarian Rohingya. Diplomasi publik Malaysia berbentuk dua hala iaitu menghulurkan bantuan kepada pelarian di kem-kem pelarian dan juga kesudian Malaysia menerima pelarian Rohingya ke Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia secara diplomasi menggesa kerajaan Myanmar menghentikan kekerasan ke atas etnik Rohingya. Malaysia juga menawarkan diri untuk menjadi orang tengah dalam menyelesaikan konflik Rohingya terutama dalam proses penghantaran balik pelarian dengan pengembalian hak-hak mereka di Myanmar. Kerajaan Malaysia tidak memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Myanmar kerana menjunjung prinsip setia kawan ASEAN. Malaysia berpendapat konflik Rohingya di Myanmar dapat diselesaikan secara efektif melalui publik diplomasi dan bukannya melalui kekerasan. Publik diplomasi Malaysia dalam membantu pelarian Rohingya telah menarik minat negara ASEAN seperti Indonesia dan Brunei dalam menghulurkan bantuan

kepada pelarian Rohingya sekaligus mengangkat imej Malaysia dalam arena diplomasi publik antarabangsa. Dapat dirumuskan bahawa situasi etnik Rohingya di Myanmar ini bertepatan dengan andaian yang dinyatakan oleh Amartya Sen (1999) iaitu pembangunan ekonomi tidak akan bermakna jika individu dan masyarakat tidak mendapat hak dan kebebasan dalam kehidupan seharian mereka sehingga memaksa diri menjadi mundur, terseksa dan melarikan diri ke negara lain.

Daftar Pustaka

Buku

- Abu Talib Ahmad. "Rohingya dan konflik etnik di Arakan (Rakhine)", dalam "Konflik Dunia Abad ke-20". (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), hlm 100.
- Amartya Kumar Sen. "Development as Freedom". (Oxford University Press: United States, 1999).
- Diamond, L. & McDonald, J. "Multi Track Diplomacy: A Systems Approach to Peace", (edisi 3), (Connecticut: Kumarian Press, 1996).
- Leonard, M. "Public Diplomacy", (London: The Foreign Policy Centre, 2002).

Melissen, Jan. "The New Public Diplomacy", (New York: Palgrave McMillan, 2005).

Robson, C. "Real World Research", (edisi 3), (Chichester: John Wiley and Sons Ltd, 2011).

Yegar, M. "Between Integration and Secession: The Muslim Communities of the Southern", (Lexington Books: United State of America, 2002).

Yegar, M. "Between Integration and Secession: The Muslim Communities of the Southern Philippines, Southern Thailand, Western Burma/Myanmar", (Maryland: Lexington Books, 2002).

Website

- Froyoplus. "Mengenal Etnik Rohingya di Myanmar, Serta Pertempuran Antara Islam dan Buddha", dalam <http://froyoplus.com/mengenal-etnik-rohingya-di-myanmar-serta-pertempuranantara-islam-dan-budhha.xhtml/>, 26 November 2012.
- King, T. "Buddhist are ethnically cleansing a minority population for the second time in 3 years: Hera's the back story", dalam <http://www.salem-news.com/articles/>, 11 Ogos 2012.

- Trochim, W. M. "The Research Methods Knowledge Base. Ed. Ke-2", dalam <http://www.socialresearchmethods.net/kb/>, 23 Mei 2019.
- Berita Harian Online, 17 November 2017.
- Bernamea, 19 Disember 2016.
- Utusan Malaysia Online, 13 September 2017.
- Utusan Malaysia Online, 8 September 2017.
- Utusan Malaysia Online, 20 Januari 2017.
- Utusan Malaysia Online, 23 Oktober 2017.
- Utusan Malaysia Online, 27 September 2017.
- William, J. T. & Leitich, K. A. The History of Myanmar, (ABC-CLIO, LLC, California 2013).